Pembelaan ini juga tidak berasas.

Perenggan 9 dan 10 pembelaan menyatakan bahawa defendan-defendan tidak tahu bahawa noti penyerahan diberi oleh Syn Seng Company Sdn. Bhd. kepada penghutang dan bahawa terdapat baki yang tidak dijelaskan sebanyak RM978,676.

Perlu disebut lebih awal bahawa Peguam defendan-defendan, dalam hujahnya tidak menyentuh berkenaan pembelaan ini. Walau bagaimanapun, nyataan plaintif dalam hal ini yang terkandung dalam perenggan 5 Lampiran 5 tidak disangkal oleh defendan-defendan. Seterusnya defendan pertama dalam suratnya kepada plaintif mengesahkan baki yang tidak dijelaskan sebanyak RM978,676 itu - lihat Ekshibit OEH-6, Lampiran 5.

Kesimpulannya, saya dapati bahawa pembelaan yang dibangkitkan oleh defendan-defendan sebenarnya tidak berasas. Ini adalah satu kes yang "plain and obvious" dan "obviously unsustainable". Dalam penghakiman saya pembelaan dan tuntutan balas yang dimasukkan itu adalah "frivolous and vexatious". Saya meluluskan rayuan ini dan memerintahkan bahawa Pembelaan dan Tuntutan Balas oleh defendan-defendan yang dimasukkan pada 19 Disember 1988 dibatalkan dan memberi kebebasan kepada plaintif untuk mengambil penghakiman muktamad seperti yang dipohon dalam prayer (a), (b) dan (c), Saman-dalam-Kamar (Lampiran 6).

HASMAH BTE UJANG @ HARI SOO MEI

lwn.

NAM SENG HOUSING DEVELOPMENT SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI, MELAKA
DATO' HJ. MOHD. NOOR BIN HJ. AHMAD H.
[GUAMAN SIVIL NO. 22-79-90]
21 OKTOBER 1992

AMALAN DAN PROSEDUR: Penghakiman terus - Tiada pembelaan - Tuntutan balas tidak ada kaitan dengan tuntutan plaintif - Rayuan kepada Hakim.

Tuntutan plaintif adalah atas baki hutang sebanyak RM150,000 yang telah diberi oleh plaintif kepada defendan. Plaintif telah mengemukakan dokumen -dokumen untuk membuktikan tuntutannya yang tidak dinafikan secara spesifik oleh defendan.

Defendan dalam tuntutan balasnya telah mennuntut baki wang yang dikatakan berada dalam tangan plaintif berkaitan dengan satu pakatan diantara plaintif dan defendan yang dikatakan telah dijelaskan sebelum hutang yang dituntut oleh plaintif itu timbul.

Diputuskan:

[1] Mahkamah berpuas hati bahawa defendan tiada pembelaan terhadap tuntutan plaintif.

[2] Tuntutan balas defendan tiada kaitan dengan tuntutan plaintif sungguhpun ia ada kaitan dengan pembelaan defendan.

[Rayuan defendan ditolak dengan kos. Perintah Penolong Kanan Pendaftar dikekalkan].

Kes-kes yang dirujuk:

Anglo-Italian Bank lwn. Wells & Davies [1878] 38 LT 197 ***(dirujuk)***

Rotherham lwn. Priest [1879] 49 LJQB 104, 41 LT 558 ***(dirujuk)***

Sumber lain yang dirujuk:

The Supreme Court Practice 1991 Vol. 1 Part 1

Bagi pihak plaintif - Sheena, T/n. Yau Jiok Hua
Bagi pihak defendan - C.C. Aiyathurai, T/n. C.C. Aiyathurai & Co.

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Mohd Noor bin Hj. Ahmad H:
Ini adalah rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang membenarkan tuntuan plaintif di bawah penghakiman terus.

Dari fakta-fakta kes ini adalah jelas bahawa tuntutan plaintif adalah di atas baki hutang sebanyak RM150,000 yang telah diberi oleh plaintif kepada defendan. Mengikut lampiran (13) Eksibit HBU-1 dan Eksibit HBU-2, pada 31 Januari 1981 dan 2 Februari 1981 defendan telah menerima wang dari plaintif berjumlah sebanyak RM300,000. Dan pada 12 Disember 1983 dan 12 Mac 1985 defendan telah membayar balik kepada plaintif berjumlah sebanyak RM150,000, meninggal baki sebanyak RM150,000. Baki tersebut disahkan oleh plaintif atas permintaan defendan selama 3 tahun berturut-turut. Sila lihat Eksibit-eksibit HBU-3, HBU-4 dan HBU-5. Fakta ini tidak dinafikan secara spesifik oleh defendan. Juga, adalah nyata bahawa tuntutan balas defendan adalah di atas baki wang yang dkatakan berada dalam tangan plaintif sebanyak RM528,241 (tolak komisyen plaintif), berkaitan dengan satu pakatan di antara plaintif dan defendan dalam pembelian 3 lot tanah yang dibeli dari wang yang dipinjamkan oleh defendan kepada plaintif dalam tahun 1973 dan 1977 dan penjualan lot-lot tersebut, yang dikatakan telah dijelaskan kepada defendan pada 21 November 1980, iaitu, sebelum hutang yang dituntut oleh plaintif itu timbul.

Di atas hakikat ini, Mahkamah Rayuan berpuashati bahawa defendan tiada ada pembelaan terhadap tuntutan plaintif itu dan tuntutan balas defendan tiada ada kaitan dengan tuntutan plaintif sungguhpun tuntutan balas defendan itu ada kaitan dengan pembelaan defendan. The Supreme Court Practice 1991 Vol. 1 Part 1 dirujukkan yang dipetik seperti berikut -

> On the other hand, the mere fact that the defendant has a counterclaim does not necessarily entitle him to leave to defend (*Anglo-Italian Bank v. Wells & Davies* [1978] 38 LT 197; *Rotherham v. Priest* [1879] 49 LJQB 104; 41 LT 558). Where therefore there is clearly no defence to the plaintiff's claim, so that the plaintiff should not be put to the trouble and expense of proving it, but the defendant sets up a plausible counterclaim for an amount not less than the plaintiff's claim, the order should not be for leave to defend but should be for judgment for the plaintiff on the claim with costs, until the trial of the counterclaim or pending further order. (m.s. 152 perenggan terakhir)
>
> If however, the counterclaim arises out of quite a separate and distinct transaction or it is wholly foreign to the claim or there is no connection between the claim and the counterclaim, the proper order should be for judgment for the plaintiff with costs without a stay pending the trial of the counterclaim. (m.s. 153 perenggan pertama)

Dengan tu, rayuan defendan ditolak dengan kos dan perintah Penolong Kanan Pendaftar dikekalkan.